

NO SOALAN :48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
(PENGKALAN CHEPA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.04.2017

Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENGKALAN CHEPA]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menyelesaikan isu 1MDB yang sedang mengalami masalah hutang yang begitu kritikal.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu 1MDB sebenarnya adalah satu isu perniagaan yang disebabkan oleh pelan pelaksanaan IPO yang terpaksa ditangguhkan. Ini mengakibatkan terjadinya *mismatch* (dengan izin) kepada aliran tunai 1MDB. Bagi menangani cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menjalankan

kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya Pelan Rasionalisasi terhadap 1MDB.

Antara pencapaian yang telah dicapai oleh 1MDB setelah Pelan Rasionalisasi dibentangkan adalah:

- i. Pembayaran semula hutang AS\$975 juta dan (*Debt for asset swap*, dengan izin) dengan IPIC di mana pelaksanaan kertas terma terikat (*binding term sheet*, dengan izin) dengan IPIC yang akhirnya akan mengurangkan jumlah hutang syarikat sebanyak kira-kira RM16 bilion;
- ii. Lebih RM1 bilion tanah pembangunan di TRX telah dijual;
- iii. Penjualan 60% kepentingan di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd pada nilai harga tanah sebanyak RM12.35 bilion;
- iv. Penjualan 100% kepentingan di dalam syarikat Edra yang telah mengurangkan hutang berikut:
 - a. Memindahkan/ *transfer* (dengan izin) RM7.43 bilion *inherited loans* (dengan izin);
 - b. Pembayaran awal : RM3 bilion hutang (*syndicated loan*, dengan izin) kepada bank-bank tempatan;
 - c. Pembayaran awal : RM2 bilion hutang kepada Marstan;

- d. Pembayaran awal : AS\$150 juta kepada Exim Bank;
- e. Pembayaran balik : RM950 juta *standby credit* (dengan izin) kepada Kerajaan Malaysia; dan
- f. 1MDB tidak mempunyai sebarang hutang bank atau hutang jangka masa pendek.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan melalui siaran media di laman web rasminya pada 4 Mei 2016 telah mengumumkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan (“MKD”) sebagai pemegang saham 100% 1MDB telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (“PAC”).

Perincian cadangan yang terdapat di dalam laporan PAC antara lainnya adalah seperti berikut:

- i. Pemindahan hak milik Bandar Malaysia Sdn Bhd, TRX City Sdn Bhd, tanah di Air Itam dan tanah Pulau Indah kepada MKD;
- ii. Pembubaran Lembaga Penasihat 1MDB; dan

iii. Memansuhkan Artikel 117, Memorandum dan Artikel Persatuan 1MDB (“*Memorandum and Articles of Association*”) (dengan izin) dan menukar semua rujukan daripada “Perdana Menteri” kepada “Menteri Kewangan”.

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan itu, MKD telah mengesahkan menerima tawaran peletakan jawatan Lembaga Pengarah 1MDB berkuat kuasa 31 Mei 2016 dan telah melantik Lembaga Pengarah yang baru